

**BERITA ONLINE  
BERITA RTM  
TARIKH: 2 NOVEMBER 2021  
(SELASA)**



## Penganjuran Ekspos Teknologi dan Inovasi, MTeX'21 'Platform capai pekerja berkemahiran tinggi menjelang 2030'

November 2, 2021 Written by Media Baharu Published in Semasa



BATU PAHAT, 2 November - Penganjuran Ekspos Teknologi dan Inovasi, MTeX'21 Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bakal menjadi platform bagi negara mencapai sasaran 45% pekerja berkemahiran tinggi menjelang 2030.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba yakin, program berkonsepkan pertandingan itu, mampu menyuntik semangat pelajar Institusi Pengajian Tinggi untuk menghasilkan produk berasaskan teknologi dan inovasi.

Peratusan pekerja berkemahiran tinggi di Malaysia ketika ini ialah pada kadar 28.6 peratus.

MTeX'21 yang bermula sejak 25 Oktober hingga 28 Februari 2022 merupakan ekspos julung kali diadakan dengan sasaran penyertaan pelajar tahun akhir diploma, ijazah sarjana muda dan ahli profesional MBOT.

Datuk Seri Dr Adham ditemui media selepas pelancaran MTeX'21 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, UTHM Batu Pahat, Johor.